

AROMATT 1 (Anastrozole Tablets 1mg)

Anastrozole (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *AROMATT 1*
2. Bagaimana *AROMATT 1* berfungsi
3. Sebelum mengambil *AROMATT 1*
4. Cara menggunakan *AROMATT 1*
5. Semasa menggunakan *AROMATT 1*
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *AROMATT 1*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemasikini RiMUP

Apakah kegunaan *AROMATT 1*

Anastrozole tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai 'perencat aromatase'. *Anastrozole* digunakan untuk merawat kanser payudara pada wanita yang telah mengalami menopause.

Anastrozole berfungsi dengan mengurangkan jumlah hormon yang dikenali sebagai estrogen yang dihasilkan oleh badan anda. Ia melakukannya dengan menyekat bahan semula jadi (enzim) dalam badan anda yang dikenali sebagai 'aromatase'

Bagaimana *AROMATT 1* berfungsi

Anastrozole ialah perencat aromatase bukan steroid yang kuat dan sangat selektif. Pada wanita yang mengalami pascamenopaus, estradiol dihasilkan terutamanya daripada pengubahan androstenedion kepada estron melalui kompleks enzim aromatase dalam tisu periferal. Estron seterusnya diubah menjadi estradiol. Mengurangkan paras estradiol yang beredar didapati memberikan kesan yang baik pada wanita yang menghidap kanser payudara

Sebelum menggunakan *AROMATT 1*

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil *AROMATT 1* jika anda alergi terhadap *Anastrozole* atau mana-mana bahan lain ubat ini.

Jangan ambil *AROMATT 1* jika anda menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil apa-apa ubat.

-Sebelum mula mengambil *AROMATT 1*

Beritahu doktor anda jika anda alergi terhadap apa-apa ubat, atau:

- jika anda masih datang haid dan belum mengalami menopaus
- jika anda mengambil ubat yang mengandungi tamoxifen atau ubat yang mengandungi estrogen (lihat bahagian 'Mengambil ubat lain')
- jika anda pernah mengalami keadaan yang menjejaskan kekuatan tulang anda (osteoporosis).
- jika anda mengalami masalah hati atau buah pinggang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.
- Anda tidak seharusnya mengambil *Anastrozole* jika anda sedang mengambil ubat tertentu yang digunakan untuk merawat kanser payudara (modulator penerima estrogen selektif) contohnya ubat yang mengandungi Tamoxifen, kerana ubat ini boleh menghentikan *Anastrozole* daripada berfungsi dengan betul. Ubat yang mengandungi estrogen seperti terapi penggantian hormon (HRT).
- Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat yang berikut:
 - Ubat yang dikenali sebagai 'analog LHRH'. Ubat ini termasuklah gonadorelin, buserelin, goserelin, leuprorelin and triptorelin. Semua ubat ini digunakan

untuk merawat kanser payudara, keadaan kesihatan wanita (ginekologi) yang tertentu, dan ketidaksuburan.

Cara menggunakan *AROMATT 1*

-Berapa banyak harus diambil

- Ikuti arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan betul. Ia mungkin tidak sama dengan maklumat yang terkandung dalam risalah. Jika anda tidak faham arahan pada label, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.
- Dos yang disyorkan ialah satu biji sekali sehari
- Seboleh-bolehnya ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.
- Telan ubat sepenuhnya dengan air.
- Anda boleh mengambil *Anastrozole* sebelum semasa atau selepas makan.

-Bila perlu diambil

Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan *AROMATT 1* selagi doktor anda mengesyorkannya.

-Jika terlupa mengambil

- Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang tindakan yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambilnya.
- Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah hampir waktunya untuk mengambil dos yang berikutnya, tunggu sehingga waktu tersebut untuk mengambil ubat dan jangan ambil dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

AROMATT 1 (Anastrozole Tablets 1mg)

Anastrozole (1mg)

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Tindakan ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan AROMATT 1

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang mengambil AROMATT 1.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil ketika mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan ambil apa-apa ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan AROMATT 1 kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

AROMATT 1 mempunyai kesan sampingan yang berikut:

- Hilang selera makan

- Peningkatan atau paras tinggi bahan berlemak yang dikenali sebagai kolesterol dalam darah anda.
- Rasa mengantuk
- Sindrom terowong karpus (sesemut, sakit, kesejukan, lemah pada bahagian tertentu tangan)
- Rasa gatal, sesemut atau kebas pada kulit, tiada/kurang rasa.
- Cirit-birit
- Rasa loya (muntah)
- Perubahan dalam ujian darah yang menunjukkan keadaan fungsi hati
- Rambut semakin jarang (rambut gugur)
- Tindak balas alergi(hipersensitiviti) termasuk pada muka, bibir atau lidah
- Sakit tulang
- Kekeringan vagina
- Pendarahan dari vagina
- Sakit otot
- Kekurangan 'sangat biasa':
Kemurungan

Temui doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan AROMATT 1

-Penyimpanan

- Simpan ubat di tempat yang tidak dapat dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak
- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.
- Simpan ubat ini supaya tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak. Simpan ubat anda di tempat yang selamat supaya kanak-kanak

tidak dapat melihat atau mencapainya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk ahli farmasi anda tentang cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, bulat, dwicembung, bersalut filem, dicetak dengan '1' pada satu sisi dan 'H' pada sisi yang satu lagi.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: *Anastrozole*

-Bahan tidak aktif:

Lactose monohydrate, Sodium starch Glycolate, Povidone, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate dan Opadry white yang mengandungi *Hypromellose, Titanium dioxide* dan *Macrogol*.

-Nombor MAL:

MAL17015023AZ

Pengilang

Hetero Labs Limited
Unit VI, Sy. No. 410 & 411,
TSIIC Formulation SEZ,
Polepally Village, Jadcherla Mandal,
Mahaboobnagar Dist,
Telangana, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Camber Laboratories Sdn. Bhd.
Unit E-13A-02, Menara SUEZCAP 2,
No. 2, KL Gateway, Jalan Kerinchi,
Gerbang Kerinchi Lestari,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/08/2024

AROMATT 1 (Anastrozole Tablets 1mg)

Anastrozole (1mg)

Nombor Siri

NPRA(R2/1)240731/1312